

## HUBUNGAN KEPERCAYAAN EPISTEMOLOGI ISLAM DENGAN AMALAN PENGAJARAN GURU PENDIDIKAN ISLAM SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN MALAYSIA

*Nurul Asiah Fasehah Muhamad*

*Universiti Sains Islam Malaysia*

*nurulasiahfasehah@usim.edu.my*

### ABSTRAK

Pengaruh dualisme dan sekularisme turut memberi kesan kepada sistem pendidikan negara hasil daripada pegangan epistemologi barat yang masih sukar digugat daripada minda dan kepercayaan masyarakat. Hasilnya, kesepaduan ilmu yang dianjurkan dalam Islam sudah semakin dilupakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Fokus pengajaran GPI kini lebih tertumpu kepada metode hafalan, syarahan, menyalin nota dan kurang menggalakkan proses berfikir dalam kalangan murid. GPI turut dikesan kurang kreatif dalam penyampaian silibus pengajian, tidak variasi dalam pengurusan kelas, dan kurang capaian ilmu daripada sumber yang pelbagai. Justeru, bagi mengembalikan semula ruh pendidikan dan menyampaikan makna ilmu yang sebenar, epistemologi Islam perlu diangkat semula sebagai pegangan dan kepercayaan dalam diri guru. Ini kerana kepercayaan epistemologi ilmu ini dipercayai mempunyai kaitan dengan tingkah laku seseorang termasuklah amalan pengajaran. Justeru, kertas kerja ini bertujuan untuk melihat tahap kepercayaan epistemologi GPI dan tahap amalan pengajaran mereka kemudian menganalisis keterkaitan antara kedua-dua variabel ini. Seramai 525 orang guru pendidikan Islam daripada seluruh Semenanjung Malaysia dipilih secara rawak sebagai responden kajian. Teknik pensampelan yang digunakan ialah *multistage cluster sampling*. Kajian ini merupakan kajian tinjauan menggunakan pendekatan kuantitatif. Dapatan kajian menunjukkan tahap kepercayaan epistemologi Islam ( $M=4.26$ ) dan amalan pengajaran ( $M=4.17$ ) GPI berada pada tahap tinggi. Manakala ujian korelasi Pearson menunjukkan hubungan yang signifikan antara kepercayaan epistemologi Islam dengan amalan pengajaran dengan kekuatan sederhana ( $r=0.405$ ). Kajian ini memberi implikasi kepada model pengajaran, IPG, penggubal dasar, sekolah dan guru Pendidikan Islam dalam hasrat meningkatkan kualiti pengajaran Pendidikan Islam di Sekolah Menengah Kebangsaan.

Kata Kunci: Kepercayaan Epistemologi Islam, amalan pengajaran, Guru Pendidikan Islam

### PENDAHULUAN

Setiap individu di muka bumi Allah ini mempunyai falsafah hidup masing-masing. Falsafah yang dipegang oleh seseorang bertindak sebagai landasan dan rujukan kepada kehidupan yang dilalui (Woodhouse 1990). Dengan kata lain, setiap pergerakan dan tindakan individu menggambarkan falsafah hidup yang dipegang dan dipercayai (Woodhouse 1990). Falsafah boleh ditakrifkan sebagai suatu sistem kepercayaan, pegangan atau prinsip yang dipegang oleh seseorang (Abd. Fatah Hasan 2001). Falsafah dalam Islam merujuk kepada pengertian hikmah iaitu ilmu yang padu dan pengalaman (Mohd Sulaiman Haji Yasin 1982). Falsafah juga merupakan sebahagian daripada perbincangan addin yang berlandaskan kepada al-Quran dan Sunnah sebagai teras kepada proses pemikiran manusia dengan memberi penekanan kepada elemen akhlak bagi melahirkan insan yang sempurna (Abu Bakar Nordin & Ikhsan Othman 2008). Islam melalui falsafah amat menekankan kebenaran sebagai matlamat yang perlu dicapai, justeru ketajaman akal, ilmu yang mantap serta nilai yang teguh menjadi syarat bagi mencapai tujuan itu.

Hakikatnya, falsafah ini ditentukan oleh salah satu elemen yang terdapat di dalamnya (Mujamil Qomar 2002), di mana jika elemen ini benar menurut kaca mata Islam maka ia akan memberi makna kepada keseluruhan kehidupan individu tersebut di mata Allah dan memberi nilai terhadap falsafah yang dipegang. Elemen inilah yang dipanggil epistemologi atau teori ilmu (Al-Ghazali, 1997). Epistemologi merupakan teori ilmu yang bermatlamatkan kebenaran. Perbincangan berkaitan dengannya berkisar tentang sumber ilmu Rabbaniyah dan insaniyyah yang digunakan secara harmoni dan seterusnya menerbitkan komponen-komponen ilmu yang lain seperti metode, sifat, pembahagian, kesahan dan batasan ilmu. Menurut Mujamil Qomar (2002) epistemologi adalah komponen yang paling penting dalam perbincangan falsafah. Hal ini kerana epistemologi yang betul menurut kaca mata Islam akan membawa manusia menemui kebenaran yang hakiki iaitu Allah s.w.t. Seterusnya, memahami hakikat kejadiannya sebagai hamba Allah dan khalifatullah yang melihat dunia sebagai tempat bersiap siaga untuk kehidupan abadi di akhirat. Epistemologi ini juga membantu manusia menemui nilai- nilai yang sewajarnya diamalkan selaku hamba Allah dan khalifatullah.

Oleh kerana peranan epistemologi yang amat penting dalam menentukan persepsi dan tindakan seseorang. Maka, kajian ini bertujuan untuk melihat apakah tahap kepercayaan epistemologi Islam di kalangan guru Pendidikan Islam dan adakah wujud korelasi kepercayaan ini dengan amalan pengajaran mereka memandangkan tanggungjawab berat yang digalas oleh GPI untuk membina watak insan di kalangan generasi akan datang. Ini sejajar dengan tanggungjawab guru yang rumit dan berat iaitu untuk menghasilkan generasi pelajar yang berilmu, berketerampilan, mempunyai minda dan perlakuan yang positif, berdedikasi dan berdisiplin (Nor Aidah Binti Mohamad Ariff et al. 2010). Ini kerana kepercayaan GPI terhadap epistemologi Islam yang tinggi membantu GPI untuk menghayati FPK dan FPI agar hasrat melahirkan generasi yang seimbang dapat dipenuhi. Kefahaman dan kepercayaan guru-guru yang tinggi terhadap elemen ini menjadi penentu kepada terlaksananya matlamat FPK dan FPI untuk menyediakan pendidikan yang bersepadu (Nor Aidah Mohamad Arif et. al 2010; Wan Mohd Zahid 1993).

## **OBJEKTIF**

Kajian ini memfokuskan kepada tiga objektif utama iaitu:

1. Mengetahui tahap Kepercayaan Epistemologi (KE) Islam GPI
2. Mengetahui tahap Amalan Pengajaran (AP) GPI
3. Menganalisis hubungan antara Kepercayaan Epistemologi (KE) Islam dengan Amalan Pengajaran (AP) GPI

## **HIPOTESIS**

Ho1: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kepercayaan EI dengan amalan pengajaran GPI

## **METODOLOGI**

Kajian ini pada dasarnya menggunakan kaedah tinjauan melalui pendekatan kuantitatif. Pengkaji menggunakan kaedah tinjauan deskriptif secara deduktif (Neuman 1993). Ia di mulakan dengan pembinaan hipotesis, kemudian memungut data dan diakhiri dengan menganalisis data secara kritikal. Manakala jenis tinjauan yang digunakan ialah tinjauan hirisan rentas (cross-sectional survey) iaitu memungut data sekali sahaja ke atas satu sampel pada satu masa (Creswell 2008, Noraini Idris 2010). Data diperolehi menggunakan soal selidik. Seramai 525 orang GPI menjadi responden untuk kajian ini.

Soal selidik kajian ini terbahagi kepada 3 bahagian iaitu bahagian A=Demografi, B= Kepercayaan Epistemologi dan C= Amalan Pengajaran. Item-item bagi konstruk kepercayaan epistemologi Islam yang berada di bahagian B diubahsuai daripada soal selidik kepercayaan epistemologi Schommer dan Inventori Kepercayaan Epistemologi Schrew. Memandangkan jenis kepercayaan epistemologi yang diukur di dalam kedua-dua set soal selidik ini berdasarkan kepada epistemologi barat, maka pengkaji melakukan pengubah suaian item berdasarkan kepada komponen epistemologi Islam yang dicadangkan oleh al-Ghazali (1962 1997), an-Nasr (1989), al-Attas (1978), al-Jabiri (1991) dan Ibnu Khaldun (2005). Item untuk bahagian ini dipecahkan mengikut subkonstruk sumber ilmu (1-11), metode ilmu (12-28), sifat ilmu (29-35), pembahagian ilmu (36-43), kesahan ilmu (44-53) dan batasan ilmu (54-58). Kesemua item ini menggunakan skala pemeringkatan likert iaitu (1) sangat tidak setuju, (2) tidak setuju, (3) kurang setuju, (4) setuju dan (5) sangat setuju (Schommer 1991). Terdapat 9 item negatif di bahagian ini iaitu item 34, 35, 36, 37, 42, 53, 54, 56 dan 57.

Manakala, untuk bahagian C, item-item bagi konstruk amalan pengajaran guru telah diubahsuai daripada soal selidik yang telah diguna pakai dalam kajian Ab. Halim Tamuri et al (2006). Item bagi konstruk ini ialah mudarris (1-12), muaddib (13-22), murabbi (23-35), mursyid (36-47) dan mu'allim (48-58). Skala yang digunakan untuk item-item ini ialah skala pemeringkatan likert iaitu (1) Tidak Pernah, (2) Tidak Kerap, (3) Agak Kerap, (4) Kerap dan (5) Sangat Kerap. Item negatif untuk bahagian ini ialah 6, 10, 27 dan 29.

Data daripada soal selidik dianalisis menggunakan 'Statistical Package for Sosial Science (SPSS 20.0). Jenis analisis yang digunakan ialah analisis diskriptif dan inferensi. Untuk objektif pertama dan kedua analisis deskriptif digunakan adalah ujian korelasi pearson untuk melihat hubungan antara kepercayaan epistemologi Islam dengan amalan pengajaran GPI. Berikut merupakan interpretasi nilai r yang bersumberkan kepada Cohen dan Holiday (1982):

Jadual 2.1: Penentuan tahap pemboleh ubah berdasarkan petunjuk skor min

Nilai Skor Min	Interpretasi
1.00-1.89	Sangat Rendah (SR)
1.90-2.69	Rendah (R)
2.70- 3.49	Sederhana (S)
3.50-4.29	Tinggi (T)
4.30-5.00	Sangat Tinggi (ST)

Sumber: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP) (2006)

Manakala untuk mencapai objektif yang ketiga, analisis inferensi dijalankan iaitu dengan menggunakan ujian korelasi pearson. Ia untuk melihat hubungan antara kepercayaan epistemologi Islam dengan amalan pengajaran GPI. Berikut merupakan interpretasi nilai r yang bersumberkan kepada Cohen dan Holiday (1982):

Jadual 2.2: Petunjuk nilai r bagi ujian korelasi Pearson

Nilai Skor Min	Interpretasi
0.01-0.19	Sangat Lemah
0.20- 0.39	Lemah
0.40-0.69	Sederhana
0.70-0.89	Kuat
0.90-1.00	Sangat Kuat

Sumber: Cohen & Holiday (1982)

## ANALISIS DATA

Kajian ini melibatkan dua jenis analisis iaitu analisis deskriptif dan analisis inferensi. Selain itu, analisis tematik juga turut dijalankan bagi data kualitatif yang diperoleh menerusi temu bual dan pemerhatian.

### Profil Responden

Kajian ini melibatkan seramai 525 orang Guru Pendidikan Islam daripada seluruh semenanjung Malaysia iaitu meliputi Negeri Kedah, Negeri Selangor, Negeri Terengganu dan Negeri Sembilan yang terpilih secara rawak. Negeri Kedah diwakili oleh 142 orang GPI iaitu sebanyak 27% daripada 525 orang GPI yang terlibat. Jumlah ini diperolehi daripada daerah Kota Setar sebanyak 56 orang, Kuala Muda 53 orang dan Kulim 33 orang. Kemudian, Negeri Sembilan pula diwakili oleh 52 orang GPI iaitu sebanyak 10 % daripada 525 GPI yang terlibat. Daerah yang terlibat untuk Negeri Sembilan ialah Seremban sebanyak 38 orang, Tampin seramai 8 orang dan Kuala Pilah 6 orang. Seterusnya, bagi Negeri Selangor, jumlah yang terlibat ialah seramai 226 orang GPI iaitu mewakili sebanyak 43% daripada jumlah GPI yang terlibat. Negeri Selangor diwakili oleh daerah Gombak (88 orang), Hulu Langat (115 orang) dan Sabak Bernam (23 orang). Manakala Negeri Terengganu pula diwakili oleh 105 orang iaitu sebanyak 20% daripada jumlah GPI yang terlibat. Daerah yang mewakili Terengganu ialah Kuala Terengganu sebanyak 65 orang, Hulu Terengganu sebanyak 17 orang dan Dungun sebanyak 23 orang. Jadual di bawah meringkaskan profil responden kajian berdasarkan negeri dan daerah.

Jadual 2.3: Profil Responden

No	Negeri	Daerah	Bil	Peratus(%)	Jumlah
1	Kedah	Kota Setar	56	39	142
		Kuala Muda	53	37	
		Kulim	33	24	
				27	
2	Negeri Sembilan	Seremban	38	73	52
		Tampin	8	15	
		Kuala Pilah	6	12	
				10	
3	Selangor	Gombak	88	39	226
		Hulu Langat	115	51	
		Sabak Bernam	23	10	
				43	
4	Terengganu	K. Terengganu	65	62	105
		H. Terengganu	17	16	
		Dungun	23	22	
				20	
Total					525

Manakala, jumlah peserta kajian adalah 12 orang seperti jadual berikut:

Jadual 2.4: Profil peserta kajian (temu bual dan pemerhatian)

Peserta kajian	Jantina		Lokasi sekolah		Tempoh Pengalaman Mengajar (tahun)				
	Lelaki	Perempuan	Bandar	Luar Bandar	2-5	6-10	11-15	16-20	21<
GPI	4	8	6	6	2	2	3	3	2

### Kepercayaan Epistemologi Islam GPI

Tahap KE Islam dilihat berdasarkan kepada 6 komponen iaitu sumber ilmu (BS 1- BS 11), metode ilmu (BM 12- BM 28), sifat ilmu (BSI 29- BSI 29- BSI 35), pembahagian ilmu (BP 36 - BP 43), kesahan ilmu (BV 44- BV 53) dan batasan ilmu (BB 54- BB 58).

Jadual 2.4 :Min dan sisihan piawai bagi subkonstruk dan tema KE Islam (N=525) (N=525)

Subkonstruk	tema	Min	SP	Interpretasi
Sumber	Rabbaniah	3.67	0.321	T
	Insaniah	3.99	0.388	T
	<b>Jumlah</b>	<b>3.85</b>	<b>0.421</b>	T
Metode	Teks	4.65	0.383	ST
	Ilham	4.57	0.408	ST
	Akal	4.31	0.346	ST
	<b>Jumlah</b>	<b>4.47</b>	<b>0.279</b>	ST
Sifat	Rabbaniah	4.48	0.483	ST
	Syumuliyah	4.29	0.428	T
	<b>Jumlah</b>	<b>4.21</b>	<b>0.330</b>	T
Pembahagian	Fardu Ain	4.45	0.467	ST
	Fardu kifayah	4.66	0.391	ST
	<b>Jumlah</b>	<b>4.55</b>	<b>0.381</b>	ST
Kesahan	Teks	4.09	0.482	T
	Ilham	4.48	0.698	ST
	Akal	4.49	0.612	ST
	<b>Jumlah</b>	<b>4.34</b>	<b>0.443</b>	ST
Batasan	Akal	3.92	0.796	T
Jumlah		4.26	0.195	T

Sumber: Soal selidik 2013

Paparan jadual di atas menunjukkan perbandingan min diantara semua subkonstruk di bawah KE Islam. Subkonstruk yang mendapat nilai min yang paling tinggi ialah metode ilmu (M=4.76, SP=0.279), subkonstruk ini pula terbahagi kepada tiga tema penting iaitu teks

(M=4.65, SP=0.383), ilham (M=4.57, SP=0.408) dan akal (M=4.31, SP=0.346). Kemudian, diikuti dengan pembahagian ilmu (M=4.55, SP=0.381) yang terdiri daripada dua tema penting iaitu Fardu Ain (M=4.45, SP=0.467) dan Fardu kifayah (M=4.66, SP=0.391). Setelah itu, kesahan ilmu (M=4.335, SP=0.443) yang terbahagi kepada tiga tema penting iaitu teks (M=4.09, SP=0.482), ilham (M=4.48, SP=0.698) dan akal (M=4.49, SP=0.612). Seterusnya, sifat ilmu memperoleh min=4.21, (SP=0.330) yang terdiri daripada dua tema penting iaitu sifat rabbaniah (M=4.48, SP=0.483) dan sifat syumuliyah (M=4.29, SP=0.428). Manakala dua subkonstruk yang mendapat kepercayaan terendah ialah batasan ilmu (M= 3.92, SP=0.796) dan sumber ilmu (M=3.85, SP=0.421) yang terbahagi kepada dua tema penting iaitu sumber rabbaniah (M=3.67, SP=0.592) dan sumber insaniah (M=3.99, SP=0.375).

Dapatan kajian ini turut disokong oleh dapatan temu bual. Di mana, kesemua GPI mempercayai bahawa sumber Al-Quran dan Sunnah adalah sumber ilmu yang utama. Namun secara realitinya GPI percaya mereka lebih banyak merujuk kepada sumber insaniah sebagai sumber yang utama ketika mengajar. Menurut mereka sumber akal seperti buku teks, buku rujukan yang muhtabar, merujuk tokoh-tokoh ulamak, berbincang dengan rakan guru dan maklumat melalui capaian internet adalah cara yang lebih mudah dan cepat (P8LB4, P5LB1, P6LB2, L1B1, P2B2, P4B4).

P8LB4 berpendapat:

*“Untuk mendapatkan maklumat segera lebih mudah bertanya kawan dan buka internet”.*

P2B2 pula menyatakan:

*“saya sering rujuk buku untuk menambah ilmu kerana perincian yang diperoleh daripada buku juga sudah mencukupi tapi perlu lihat kepada pengarang”.*

P6LB2 pula berpendapat:

*“Sekarang ni dah susah nak baca buku lain, masa tak banyak, memang rujuk pada buku teks untuk mengajar”.*

Manakala L1B1 menyatakan:

*“kalau ada soalan-soalan yang saya tak dapat nak jawab, saya telefon balik tok guru saya, dia ulamak kita rujuk pada dia”.*

Selain itu, GPI turut merasakan mereka kurang kepakaran tentang ilmu al-Quran dan Hadis (P3B3, L2B2, L4LB2) seperti yang dinyatakan oleh L4LB2:

*“Kemahiran kurang, jadi kita rujuk buku yang lebih mudah difahami dan sudah dipermudahkan oleh para ulamak”.*

Peserta kajian turut merasakan huraian daripada buku sahaja sudah mencukupi (P2B2, P7LB3, L1B1) seperti yang dinyatakan oleh P7LB3:

*“Untuk menyesuaikan kefahaman Al-Quran dengan masalah semasa perbincangan dalam buku sudah menampakkan keseluruhan perkara itu”.*

Selain itu, L3LB1 pula berpendapat Ilmu sedia ada cukup untuk mengajar sekolah menengah harian biasa, menurut beliau,

*“untuk mendapatkan sesuatu ilmu terutama untuk mengajar sekolah harian biasa ilmu sedia ada sudah mencukupi kerana isu yang dibangkitkan tidak terlalu besar dan mendalam”.*

Begitu juga dengan sumber ilham dan pancaindera, kedua-duanya juga hampir tidak ketara fungsinya sebagai sumber ilmu kepada GPI terutama ketika mengajar. Ini kerana

menurut GPI, mereka banyak bergantung kepada buku teks sahaja ketika mengajar (P6LB2, L4LB2).

L4LB2 menyatakan:

*“Tengok kepada perkara yang diajarkan..selalunya tidak gunakan sumber ilham dan pancaindera, banyak gunakan video dan buku teks sebagai sumber rujukan ketika mengajar”.*

Walau bagaimanapun, kesemua GPI sependapat mengatakan kedua-dua sumber ilmu ini penting sewaktu mengajar terutama untuk berinteraksi dengan murid (P2B2, P3B3, P5LB1, P8LB4). Ini kerana menurut P3B3:

*“Merujuk gerak hati untuk mengenal pasti masalah murid dan menggunakan eye- contact sewaktu mengajar, disini kita dapat mengagak murid dapat ikut atau tidak pengajaran yang kita sampaikan”.*

Selain itu, kedua-dua sumber ilmu ini iaitu ilham dan pancaindera penting untuk menghadirkan penghayatan dalam diri murid (P1B1, P7LB3) seperti yang dinyatakan oleh P7LB3:

*“Bagi saya untuk kelas belakang ilham dan pancaindera sangat penting untuk memberi penghayatan kepada pelajar dan menarik perhatian mereka kepada pengajaran”.*

Peserta kajian turut berpendapat, ilham dan pancaindera boleh membantu GPI memilih kaedah yang bersesuaian untuk menghuraikan sukatan pelajaran (P4B4, P8LB4).

Menurut P8LB4:

*“Ilham ni datangnya daripada pengalaman juga. Ilham melalui pengalaman dapat membantu guru menyesuaikan kaedah pengajaran dengan situasi pelajar. Manakala gerak geri kita membantu sewaktu pengajaran”.*

Kesimpulannya, dapatan temu bual menunjukkan kesemua GPI percaya bahawa sumber utama bagi ilmu ialah al-Quran dan Sunnah. Walau bagaimanapun, secara realitinya mereka percaya bahawa mereka lebih banyak menggunakan sumber insaniah seperti buku, internet, berbincang dengan rakan GPI dan merujuk pakar. Ini kerana mereka merasakan aktiviti ini lebih mudah dan cepat. Selain itu, mereka juga berpendapat kurang kepakaran mengenai ilmu pentafsiran al-Quran dan Hadis turut mengekang daripada terus merujuk kepada kedua-dua sumber utama itu. Kemudian GPI melalui kajian ini juga menyatakan bahawa huraian yang terdapat di dalam buku sudah mencukupi untuk mengendalikan perbincangan di tahap sekolah menengah harian biasa. Apabila ditanya mengenai sumber pancaindera dan ilham pula, kesemua mereka bersetuju kedua-dua sumber ini penting sewaktu pengajaran tetapi realitinya juga kurang digunakan kerana lebih banyak menggunakan buku teks.

Manakala, bagi kepercayaan GPI terhadap metode ilmu, Dapatan kuantitatif ini dilihat berbeza dengan data yang diperoleh menerusi temu bual. Walaupun dapatan kuantitatif menunjukkan GPI percaya mereka lebih banyak menggunakan metode Rabbaniah iaitu dengan merujuk al-Quran dan Hadis, namun apabila sesi temu bual dijalankan kesemua GPI percaya mereka lebih banyak menggunakan metode insaniah iaitu akal dan pancaindera untuk mendapatkan ilmu. Perkara ini dilihat konsisten dengan sumber ilmu yang dipercayai lebih banyak digunakan oleh GPI sewaktu mengajar iaitu sumber insaniah. Daripada dua belas orang GPI yang ditemu bual hanya seorang sahaja yang menyatakan beliau suka membaca terjemahan al-Quran untuk mendapatkan ilmu dan mengetahui kefahaman tentang sesuatu ayat. Menurut L1B1:

*“Saya suka baca tafsir ayat al-Quran, dari situ saya dapat faham maksud ayat yang tersirat dan berguna untuk perbincangan topik ketika waktu pengajaran”*

Manakala 5 GPI lebih suka mendapatkan ilmu melalui buku. Menurut L4LB2:  
*“Kemahiran kurang jadi rujuk buku yang lebih mudah difahami dan sudah dipermudahkan oleh para ulama”.*

Perkara ini turut dipersetujui oleh P2B2 yang mengatakan:  
*“Perincian yang diperoleh daripada buku juga sudah mencukupi tapi perlu lihat kepada pengarang”.*

P7LB3 pula berpendapat:  
*“Untuk menyesuaikan kefahaman al-Quran dengan masalah semasa- perbincangan dalam buku sudah menampakkan keseluruhan perkara itu”.*

Sejajar dengan peredaran zaman 2 GPI lebih gemar mendapatkan ilmu menerusi capaian internet kerana untuk mendapatkan jawapan segera (P5LB1, P8LB4). Menurut P5LB1:  
*“Saya lebih suka gunakan internet kerana ingin jawapan yang segera”*

Selain itu, GPI juga gemar mendengar ceramah daripada pakar dan berbincang dengan rakan guru untuk mendapatkan ilmu. Contohnya, P1B1 menyatakan:  
*“Baca buku x sempat dah sekarang banyak dengar ceramah dan tazkirah TV al-hijrah, radio IKIM, Tanyalah ustaz tu...saya suka tengok”.*

P4B4 pula menyebut:  
*“Tanya ustaz, ustazah lain yang lebih arif, bincang jika terdapat sebarang kemusykilan”*

Kesimpulannya, GPI mempunyai pendapat yang berbeza tentang cara untuk mendapatkan ilmu iaitu dengan menggunakan metode Rabbaniyah iaitu dengan menganalisis teks al-Quran dan Sunnah. Selain itu, sebahagian besar daripada mereka lebih suka menggunakan metode insaniah iaitu dengan menggunakan buku, mendengar tazkirah daripada pakar, berbincang dengan rakan GPI dan capaian internet.

Dapatan kajian temu bual bagi pembahagian ilmu menunjukkan semua peserta kajian sependapat mengenai pembahagian ilmu kepada Fardu Ain dan Fardu Kifayah. Mereka percaya bahawa ilmu Fardu Ain perlu diutamakan untuk kehidupan akhirat, dan ilmu Fardu Kifayah diperlukan untuk menguruskan hal ehwal keduniaan. Kenyataan ini dilihat sedikit berbeza dengan dapatan data kuantitatif yang menunjukkan GPI percaya mereka lebih memberi keutamaan kepada ilmu Fardu Kifayah berbanding ilmu Fardu Ain ketika mengajar.

P5LB1 berpendapat:  
*“Ilmu Fardu Kifayah sebagai penyokong kepada Fardu Ain kedua-duanya penting”.*

Manakala P7LB3 pula mengulas:  
*“Saya selalu ingatkan para murid, kalau kamu masuk kelas kemahiran hidup, kamu tahu bagaimana cara nak hidup sahaja, tetapi kalau kamu masuk kelas agama kamu akan tahu cara nak urus kehidupan di dunia dan akhirat, bagi saya itulah kepentingan kedua-dua ilmu Fardu Ain Dan Fardu Kifayah ini”.*

Seterusnya, L1B1 berpendapat:  
*“Kedua-dua ilmu ini penting, tapi penekanan perlu diberikan kepada Fardu Ain”*



Kesimpulannya, semua GPI bersetuju mengatakan bahawa kedua-dua ilmu ini penting dan memberi penekanan kepada ilmu Fardu Ain.

Kemudian, dapatan temu bual bagi kesahan ilmu pula mendapati cara GPI mendapatkan ilmu yang lebih tertumpu kepada metode insaniah iaitu melalui akal turut mempengaruhi cara mereka menentukan kesahan ilmu. Mereka menyatakan cara menentukan kesahan ilmu ini mudah dan segera. Ini dibuktikan dengan kesemua 12 orang GPI bersetuju bahawa mereka gemar merujuk kawan-kawan dan merujuk pakar untuk mengesahkan sesuatu maklumat.

Seperti yang dinyatakan oleh P8LB4:

*“Untuk menentukan sesuatu perkara itu betul, saya akan bertanya kepada kawan-kawan yang lebih tahu”.*

Dan L3LB1 pula menyatakan:

*“Sesuatu fakta itu betul jika ia kerap kali diulang oleh orang lain”.*

Kemudian seperti yang diungkapkan oleh L4LB2:

*“Bila ada fakta yang tidak pasti, saya call tok guru saya...guru saya di Sekolah dulu. Dia pakar dan merupakan seorang alim”.*

Kesimpulannya, kesemua GPI percaya mereka menentukan kesahan ilmu dengan menggunakan metode insaniah iaitu dengan merujuk rakan yang lebih tahu dan pakar dalam sesuatu ilmu. Kesemua mereka bersetuju cara ini lebih cepat untuk mendapatkan kepastian.

Manakala, kesemua 12 peserta kajian percaya bahawa wujud batasan dalam mengetahui ilmu menerusi temu bual yang dijalankan. Seperti yang dinyatakan oleh L1B1:

*“Tidak semua perkara kita boleh tahu terutama yang melibatkan al-ghaib”.*

Perkara ini turut dipersetujui oleh P2B2 yang berpendapat:

*“Untuk mengenali Allah, kita hanya boleh melihat melalui sifat-sifatNya sahaja bukan zatNya”.*

Selain itu, GPI turut berpendapat batasan akal untuk memperoleh ilmu ini bergantung kepada kemampuan akal seseorang untuk mendapatkan ilmu. Menurut P3B3:

*“Pasti ada batasan akal manusia. Terutama merujuk kepada kemampuan akal. Contohnya, jika sampai setakat itu sahaja kita boleh fikir, jadi sampai situ sahaja”*

Kesimpulannya, semua GPI bersetuju wujud batasan akal bagi setiap manusia sama ada ia merujuk kepada kemampuan akal untuk berfikir berkaitan perkara ghaib atau berkaitan dengan kemampuan akal manusia untuk berfikir mengenai sesuatu perkara zahir. Jadual di bawah menunjukkan ringkasan dapatan temu bual berdasarkan tema.

### **Amalan Pengajaran GPI**

Item-item AP GPI terdiri daripada lima subkonstruk iaitu mudarris (D1-D12), muaddib (D13-22), murabbi (D23-D35), mursyid (D36- D47) dan mu'allim (D48-D58). Jumlah item dalam konstruk ini ialah 58 item. Min bagi konstruk ini secara keseluruhannya berada pada tahap tinggi iaitu 4.17 (Sp= 0.312).

Jadual 2.5: Min dan sisihan piawai setiap subkonstruk AP GPI (N=525)

Subkonstruk AP	Min	Sisihan piawai (SP)
Mudarris	4.11	0.344
Muaddib	4.36	0.393
Murabbi	4.16	0.305
Mursyid	4.18	0.428
Mu'allim	4.19	0.352
<b>Keseluruhan</b>	<b>4.17</b>	<b>0.312</b>

Sumber: Soal selidik 2013

Min bagi keseluruhan konstruk Amalan Pengajaran (AP) GPI ialah 4.17 (SP=0.312). Manakala min bagi setiap subkonstruk AP ialah mudarris 4.11 (SP=0.344), muaddib 4.36 (SP=0.393), murabbi 4.16 (SP=0.305), mursyid 4.18 (SP=0.428) dan mu'allim 4.19 (SP=0.352). Dapatan ini menunjukkan bahawa min subkonstruk yang paling tinggi ialah mu'addib yang berada pada tahap sangat tinggi dan subkonstruk yang paling rendah ialah mudarris yang berada pada tahap tinggi. Secara keseluruhannya tahap AP GPI berada pada tahap tinggi. Jadual di bawah menunjukkan min dan sisihan piawai bagi setiap subkonstruk AP GPI.

Seterusnya, item-item bagi subkonstruk ini turut dilihat melalui sesi pemerhatian di dalam kelas. Tajuk bagi subkonstruk ini dikekalkan sebagai tema yang diperhatikan. Item yang mendapat perhatian paling ramai GPI untuk mengamalkannya adalah item “memulakan kelas apabila murid telah bersedia” iaitu semua GPI komited mengamalkannya sewaktu tempoh pemerhatian dilakukan. Manakala item yang paling tidak mendapat perhatian GPI adalah “menjalankan aktiviti yang menyeronokkan sewaktu pengajaran. Kebanyakan peserta kajian menjalankan aktiviti syarahan dan perbincangan sahaja (L1B1, L2B2, P1B1, P2B2, P3B3, P4B4, P5LB1, P6LB2, P7LB3 dan P8LB4). Dapatan ini dilihat berkait dengan dapatan untuk item “menggunakan BBM” iaitu hanya 4 orang GPI sahaja yang menggunakannya sewaktu tempoh pemerhatian, “menggunakan pelbagai pendekatan mengajar” iaitu hanya 6 orang GPI yang mencampurkan beberapa teknik pengajaran contohnya P6LB2 sewaktu tempoh pemerhatian menggunakan nasyid untuk menarik perhatian murid terhadap topik pembelajaran dan bergerak aktif sewaktu menyampaikan pengajaran (L2B2, L3B3, P1B1, P2B2, P3B3, P4B4, P5LB1). Sepanjang pemerhatian, pengkaji mendapati 5 GPI tidak menggunakan tulisan jawi sewaktu pengajaran (L2B2, L4B4, P1B1, P7LB3, P8LB4). Bagi item pembukaan dan penutupan pengajaran iaitu memberitahu objektif di awal kelas hanya seorang GPI tidak melakukannya (L4LB2) dan untuk item membuat kesimpulan diakhir pengajaran juga hanya seorang GPI tidak melakukannya (L4LB2).

Kesimpulannya, kesemua item mendapat perhatian GPI kecuali bagi 3 item yang diperhatikan hanya dilakukan oleh separuh dan kurang GPI iaitu item “menggunakan pendekatan pengajaran yang pelbagai”, “menggunakan BBM” dan “menjalankan aktiviti yang menyeronokkan sewaktu di dalam kelas”. Jadual di bawah menunjukkan ringkasan dapatan temu bual untuk tema mudarris. Setelah membandingkan dapatan kedua-dua instrumen ini, terdapat beberapa item yang memiliki keputusan yang bertentangan iaitu item menggunakan pendekatan pelbagai, menggunakan BBM dan menjalankan aktiviti yang menyeronokkan di dalam kelas. Jadi, bagi mendapatkan penjelasan terhadap perbezaan ini sesi temu bual dijalankan.

Dapatan temu bual memfokuskan kepada 2 item yang mendapat perhatian yang paling kurang dalam tema mudarris iaitu “penggunaan pendekatan yang pelbagai” dan “penggunaan BBM”. Melalui data temu bual, semua GPI bersetuju bahawa penggunaan kaedah pengajaran yang pelbagai penting terutama untuk menarik minat dan perhatian murid terhadap pengajaran (L1B1, L3LB1, L4LB2, P4B4, P5LB1) seperti yang dinyatakan oleh L1B1:

*“Penting untuk kita mempelbagaikan kaedah pengajaran untuk menarik perhatian dan minat murid terhadap pengajaran”.*

Pendapat ini turut disebut oleh L3LB1:

*“Pelbagai kaedah seperti aktiviti berkumpulan dan sebagainya penting sewaktu di dalam kelas supaya murid terus memberikan perhatian kepada pengajaran kita”.*

Selain itu, peserta kajian berpendapat ia penting untuk meraikan kesesuaian tajuk seperti yang diungkapkan oleh L2B2:

*“Kepelbagaian kaedah pengajaran perlu digunakan mengikut tajuk yang diajar, contohnya kalau kita mengajar tentang sembelihan, kita boleh buat demo sembelihan, beli burung ke ayam ke bawa ke kelas bagi murid tengok dan experience sendiri, barulah pengajaran itu menarik”.*

Kemudian, ia juga dikatakan penting untuk menyesuaikan teknik pengajaran dengan tahap kelas seperti yang disebut oleh P6LB2:

*“Mengikut pengalaman saya, Kelas depan menggunakan teknik berpusat pelajar seperti mencari maklumat dan sebagainya, Kelas belakang lebih kepada bimbingan guru dan tak sesuai menggunakan berpusat pelajar...”.*

Peserta kajian juga melihat kepelbagaian teknik ini penting bagi meraikan kesesuaian masa kelas. Menurut P5LB1:

*“... contoh kelas yang berjalan pada waktu pagi kita boleh bagi murid banyak fakta tapi kalau Kelas selepas rehat kena guna aktiviti yang lebih santai seperti gunakan peta minda dan aktiviti berkumpulan”.*

Seterusnya, kepelbagaian teknik ini juga penting untuk meraikan kecenderungan murid. Menurut P3B3:

*“Kepelbagaian teknik pengajaran ini penting sangat kerana murid lain-lain jadi untuk meraikan semua murid, perlu tentukan giliran, minggu ni ikut cara ni, minggu depan lain pula...”.*

Kemudian, GPI turut berpendapat bahawa kepelbagaian pendekatan pengajaran juga penting bagi meraikan peredaran zaman dan meningkatkan motivasi GPI agar konsisten menyampaikan pengajaran yang menarik dan berkesan. P2B2 menyatakan:

*“Pendekatan pelbagai penting untuk meraikan murid di zaman ini. Selain itu jika teknik pengajaran sama sahaja, kita sebagai guru pun akan bosan”*

Akhirnya, P4B4 berpendapat pendekatan pengajaran ini penting untuk mengetahui tahap kefahaman murid terhadap pengajaran guru ketika di dalam kelas. Beliau menyatakan:

*“Penting untuk menarik perhatian pelajar dan membantu guru mengenali potensi pelajar antara pelajar yang mudah faham dan sederhana”*

Walaupun begitu, kebanyakan daripada GPI hanya menggunakan kaedah syarahan, penyoalan dan diskusi iaitu cara pengajaran berpusat guru (P8LB4, P7LB3, P4B4, P3B3, L4LB2, P1B1, P2B2, L3LB1, L2B2). Menurut GPI, hal ini disebabkan oleh lapan faktor iaitu

keadaan fasiliti yang tidak mencukupi (L1B1, P3B3, P8LB4) seperti yang diungkapkan oleh P3B3:

*“Bilik yang ada kemudahan LCD di sekolah hanya satu jadi kena ikut giliran untuk gunakan kemudahan tersebut...”*

Kekurangan masa untuk melakukan persediaan (L3LB1, L4LB2, P1B1, P2B2, P6L2, P7LB3). L3LB1 menyatakan:

*“Biasanya masa untuk membuat perancangan untuk 30 hingga 40 minit pengajaran adalah seharian, baru untuk satu subjek. Dalam keadaan guru yang dilambakkan dengan tugas-tugas lain maka masa itu sangat tidak mencukupi, menyebabkan kebanyakan guru tidak mempelbagaikan teknik pengajaran”.*

Bahan P&P yang tidak mencukupi (L1B1):

*“Bahan P&P yang ada dalam simpanan tidak mencukupi jadi sukar untuk kita pelbagaikan teknik pengajaran”*

Sikap GPI (L2B2, P6LB2):

*“Sama ada nak guna pendekatan yang pelbagai atau tidak semuanya bergantung kepada GPI sendiri, jika dia nak guna, dia akan guna walau ada kekangan sekalipun” (L2B2)*

Kurang pendedahan teknik pengajaran yang terkini (P2B2):

*“GPI tidak didedahkan dengan teknik pengajaran terkini. GPI yg dah lama mengajar ni dah static jadi perlu diberikan pendedahan baru melalui kursus dan group binding”*

Teknik pengajaran yang tidak sesuai (P5LB2):

*“Kesesuaian kaedah dengan jiwa pelajar menyebabkan awal kelas mungkin boleh kuasai, tengah kelas tak boleh dah..”*

Dan capaian internet yang sukar (P8LB4):

*“Fasiliti yang tak mencukupi dan capaian internet yang sukar..Kalau nak buat perlukan masa persediaan yang cukup.”*

Dapatan temu bual juga mendapati rata-rata GPI bersetuju bahawa penggunaan BBM penting terutama untuk menarik minat dan perhatian murid ketika mengajar seperti yang disebut oleh P2B2:

*“Segala teori yang kita belajar tu betul, pelajar sememangnya lebih berminat dan lebih mudah faham jika ada BBM.”*

Ini turut dipersetujui oleh P1B1:

*“BBM ni penting untuk menarik perhatian pelajar dan untuk P&P menjadi lebih berkesan.”*

Selain itu, L4LB2 menyatakan BBM juga penting untuk merangsang murid dengan menyebut:

*“BBM berfungsi untuk merangsang minda pelajar untuk memahami sesuatu topik.”*

Kemudian, GPI juga bersetuju menyatakan bahawa penggunaan BBM memudahkan proses pengajaran berlangsung. L3LB1 menyebut:

*“Penggunaan BBM penting untuk memudahkan pengajaran”*

L1B1 pula berpendapat, penggunaan BBM bersesuaian dengan peredaran zaman seperti penyataannya:

*“Pentinglah BBM ni menyesuaikan dengan zaman murid berada sekarang”*

Dan akhirnya, P4B4 berpandangan penggunaan BBM untuk menarik perhatian murid. Beliau menyatakan:

*"Budak tidak berikan perhatian jadi perlu gunakan BBM".*

Namun terdapat juga GPI yang berpendapat bahawa penggunaan BBM hanya menyekat GPI untuk menyampaikan sesuatu maklumat dan menunjukkan seolah-olah GPI tersebut tidak ada ilmu tentang subjek yang disampaikan (L2B2).

Menurut beliau:

*"Guna BBM ni, nampak macam kita guru ni tiada ilmu tentang sesuatu topik.."(L2B2)*

Selain itu, ada juga yang berpendapat penggunaan BBM ini tidak semestinya penting untuk semua kelas kerana ia tidak menjamin pelajar dapat apa yang diajarkan seperti yang dinyatakan oleh P5LB1:

*"Bagi saya BBM ni Kadang-kadang penting, kadang-kadang tak penting kerana tak semestinya sentiasa guna BBM maka result pelajar akan 100%"*

Peserta kajian juga berpendapat BBM menyebabkan murid bosan jika sentiasa digunakan (P6LB2, P7LB3). Contohnya, P6LB2:

*"BBM ni, kalau sentiasa digunakan pun pelajar tak minat juga".*

Secara keseluruhan, penggunaan BBM ini masih ditahap minima kerana kekangan berikut iaitu kurang kemahiran untuk menggunakan ICT (L4LB2, P1B1) seperti yang dinyatakan oleh L4LB2:

*"...biasanya perkara ini berlaku kepada GPI yang veteran kerana kemahiran ICT tiada."*

Selain itu, sikap GPI sendiri yang kurang gemarkan inovasi dalam pengajaran (L3B1, P2B2) seperti yang diungkapkan oleh L3LB1:

*"Kekangannya dari sikap GPI sendiri yang tidak gemarkan inovasi dalam pengajaran...Ada GPI yang mempersoalkan apa inovasi yang kita boleh buat dalam PI, jadi sikap ini memerangkap GPI untuk terus dengan cara lama."*

Kemudian, kekurangan masa untuk membuat persediaan (P3B3, P6LB2) seperti yang dinyatakan oleh P3B3:

*"Masalah masa persediaan dan perkeranian bertembung menyebabkan GPI mengambil jalan mudah iaitu syarahan sahaja sebab nak guna BBM perlu ada persiapan jadi sukarlah..."*

Dan kurang kemahiran dan fasiliti (P3B3, P6LB2, P8LB4).P8LB4 menyatakan:

*"Salah satu sebab kurang guna BBM ni sebab fasiliti tak banyak contoh macam komputer dan LCD, yang ada cuma satu dalam sekolah semua cikgu nak guna..."*

Kesimpulannya, bagi tema mudarris terdapat dua perkara yang difokuskan iaitu penggunaan pendekatan yang pelbagai dan penggunaan BBM. Bagi pendekatan pelbagai, kesemua GPI bersetuju bahawa perkara ini penting. Ini kerana menggunakan pendekatan pengajaran yang pelbagai mampu untuk menarik perhatian pelajar, mengikut kesesuaian tajuk, merangsang murid, mengikut peredaran zaman, meningkatkan mood GPI untuk mengajar, meraikan kecenderungan murid yang berbeza dan mengenali tahap kefahaman murid. Walau bagaimanapun, mereka menyatakan terdapat kekangan untuk melakukannya kerana bahan P&P tak mencukupi, sikap GPI, masa merancang tidak mencukupi, masalah teknikal, kurang pendedahan tentang cara pengajaran atau teknik pengajaran terkini, kurang fasiliti, jika teknik yang digunakan tidak bersesuaian

maka murid kurang beri tumpuan dan capaian internet sukar. Jadual di bawah menunjukkan ringkasan bagi dapatan temu bual penggunaan pendekatan pelbagai.

Bagi subkonstruk Muaddib, Hasil pemerhatian menunjukkan kesemua GPI mengamalkan setiap item dalam tema Muaddib dengan baik sekali. Walau bagaimanapun, untuk item “menegur murid yang melakukan kesalahan” peserta kajian L3 LB1 dan L4 LB2 diperhatikan tidak menegur kesalahan murid sewaktu di dalam tempoh pengajaran. Bagi L3 LB 1 pada masa tempoh pengajaran jam 9.45 pg hingga 10.15pg pada 17 Jun 2013 tidak menegur murid yang bercakap dan tidak menumpukan perhatian di dalam kelas begitu juga dengan peserta kajian L4 LB2 iaitu pada 16 Julai 2013 masa 10.30 pg hingga 11.00pagi, walau bagaimanapun, peserta kajian ini menyentuh soal akhlak ketika menyambut Ramadhan di dalam waktu pengajarannya. Seterusnya untuk item “menjalankan sesi pengajaran dengan ceria” dilihat peserta kajian P2 B2 (8.40 hingga 9.10 pagi, 2 Julai 2013) dan P4 B4 (11.50 pagi hingga 12.30 petang, 21 Jun 2013) mengemudikan kelas dengan tegas daripada mula kelas sehingga ke akhir sesi pengajaran. Secara keseluruhannya kesemua 12 orang GPI mengamalkan item muaddib di dalam pengajaran.

Dapatan pemerhatian untuk tema murabbi menunjukkan item yang menjadi amalan yang konsisten bagi setiap GPI ialah “sabar dengan kerenah murid” , “menunjukkan sayang kepada murid”, “mengenali murid” dan “meraikan semua pendapat yang dilontarkan”. Kesemua GPI dilihat amat sabar dengan kerenah murid dan tidak menunjukkan kemarahan kepada murid sepanjang tempoh pengajaran. Manakala item “mendidik murid mengikut kecenderungan yang dimiliki” (L1B1, L3B3, L4B4, P1B1, P3B3, P5LB1, P6LB2, P8LB4) dan “memberi pujian atau penghargaan yang sewajarnya” (L2B2, L3LB1, L4LB2, P1B1, P3B3, P4B4, P5LB1, P6LB2) tidak diamalkan oleh 4 orang GPI sewaktu pengajaran. Peserta kajian P3B3 (9 Julai 2013, masa 8.45 hingga 9.15 pagi) dan L4B4 (16 Julai 2013, masa 10.40 pagi hingga 11.15pagi) menggunakan cara pengajaran berpusat murid iaitu dengan mengadakan aktiviti secara berkumpulan. Seterusnya, peserta kajian P1B1 pada masa pengajaran antara 11.10 pagi hingga 11.40 pagi memuji murid dengan menunjukkan tanda bagus dengan tangan dan menepuk tangan sebagai penghargaan kepada murid tersebut. Bagi item menekankan aspek keimanan dalam pengajaran semua GPI mengamalkannya kecuali P3B3. Bagi item ini, L4B4 pada 16 Julai 2013 antara masa pengajaran 10.40 pagi hingga 11.15 pagi telah mengingatkan murid tentang keistimewaan bulan Ramadhan, kelebihan ibadah serta kesannya dalam meningkatkan keimanan. Manakala P1B1 pada 21 Jun 2013 pada masa pengajaran di antara 11.10 hingga 11.40 pagi telah mengaitkan pembatalan program pelajar pada hari tersebut dengan qada' dan qadar Allah. Seterusnya untuk item “memberi galakan kepada pelajar” diperhatikan daripada kesemua GPI yang diperhatikan 11 daripadanya komited mengamalkannya dalam tempoh pengajaran masing-masing. Contohnya, P5LB1 pada 17 Jun 2013 masa antara 11.50 pagi hingga 1.00 petang telah menggalakkan murid untuk terus berusaha walaupun gagal pada masa sekarang ketika mengulas tentang peperiksaan yang baru mereka jalani. Kemudian bagi item “melayan murid seperti keluarga” diamalkan oleh L3LB2, P1B1, P2B2, P5LB1 dan P6LB2. Antara perkara yang dilakukan yang menonjolkan perkara ini adalah bertanya khabar dengan murid dan memeluk murid dengan mesra (L3LB2), duduk bersama murid berbincang tanpa rasa kekok (P5LB1), menunjukkan sifat prihatin dan keibuan yang tegas(P6LB2, P2B2) dan bertanya khabar serta sifat keibuan yang lembut (P1B1). Item yang terakhir adalah “mendampingi murid dengan mesra” semua GPI mengamalkannya kecuali P2B2 yang mengekalkan sifat yang tegas di sepanjang tempoh pengajaran. Kesimpulannya semua item di dalam tema murabbi diamalkan dengan baik oleh GPI. Walau bagaimanapun hanya 5 GPI sahaja diperhatikan menganggap murid sebagai keluarga.

Dapatan pemerhatian bagi tema mursyid ini pula menunjukkan bahawa semua item dalam tema mursyid diamalkan dengan baik oleh GPI sewaktu pemerhatian dijalankan. Tema mursyid mengandungi 11 item yang diperhatikan. Daripada semua item ini, item yang mendapat perhatian paling ramai GPI ialah “bersikap adil dengan murid” iaitu diamalkan oleh semua GPI sewaktu pemerhatian dijalankan. Mereka memberi ruang kepada semua murid untuk memberi pandangan dan pendapat sewaktu tempoh pengajaran. Kemudian diikuti item “mengamalkan gaya kepimpinan mesra murid” dan “peka dengan masalah murid” iaitu masing-masing mendapat perhatian 11 GPI. Peserta kajian P1B1 bertanya khabar sebelum memulakan kelas dan bertanya masalah dan kesukaran yang dihadapi murid di dalam tempoh pengajaran. Sementara itu, P8LB8 banyak menyelitkan unsur kecindan sewaktu menyampaikan pengajaran dan menasihati murid. Kemudian bagi item “mengawal kelas dengan berkesan” 10 orang GPI mengamalkannya dalam tempoh pemerhatian kecuali L4LB2 pada masa pengajaran iaitu diantara 10.40 pagi hingga 11.15 pagi pada 16 Julai 2013 kurang berjaya mengekalkan perhatian pelajar setelah habis aktiviti perbincangan. Seterusnya item lain yang diamalkan oleh 10 orang daripada 12 GPI semasa tempoh pemerhatian ialah “membimbing murid membuat keputusan yang baik”. Peserta kajian P7LB4 pada tempoh pemerhatian 9 Julai 2013 diantara masa 8.40 pagi hingga 9.10 pagi telah menasihati murid untuk membuat insurans atau takaful sewaktu membincangkan tajuk mu’amalah sebagai persediaan. Berikutnya item “memberi semangat kepada murid untuk terus maju”, item ini telah diamalkan oleh 10 orang GPI sewaktu pemerhatian dijalankan. Sebagai contoh, P8LB2 sewaktu tempoh pengajarannya iaitu diantara jam 3.10 hingga 3.40 petang pada 16 Julai 2013 telah menasihati murid untuk menyambung pelajaran hingga ke peringkat tertinggi. Seterusnya, bagi item “mendidik murid dengan tegas” seramai 9 peserta kajian mengamalkannya dalam tempoh pemerhatian kecuali L4LB2, P3B3 dan P7LB7. Manakala item “bertindak pantas atas isu yang dibangkitkan murid” turut diamalkan oleh 9 peserta kajian kecuali L2B2, P3B3 dan P7LB3. Akhirnya, item yang mendapat perhatian paling sedikit ialah item “mengingatkan murid tentang tanggungjawab sebagai khalifah” iaitu diamalkan oleh 8 orang GPI dan item “berbincang dengan murid untuk putuskan sesuatu perkara yang berkaitan dengannya” juga turut diamalkan oleh 8 orang GPI. Peserta kajian P2B2 telah mengingatkan pelajar tentang tanggungjawab manusia sebagai khalifah sewaktu membincangkan kaitan solat dengan kejayaan hidup. Manakala P5LB1 berbincang terlebih dahulu dengan pelajar sebelum memilih sesuatu jawapan yang betul untuk sesuatu soalan berdasarkan kepada dalil-dalil yang dikemukakan.

Akhirnya, dapatan pemerhatian bagi tema Muallim menunjukkan daripada lapan item yang diperhatikan, semua GPI menggunakan contoh yang bersesuaian dan mahir berkaitan dengan topik yang sedang dibincangkan. Namun GPI dilihat kurang mempelbagaikan sumber ilmu iaitu hanya 5 orang GPI yang mengamalkannya. Peserta kajian P8LB4 pada tempoh pengajarannya iaitu di antara jam 3.10 hingga 3.40 petang pada 16 Julai 2013 hanya bergantung kepada apa yang terdapat dalam slide yang tersedia sewaktu menerangkan topik pengajarannya. Manakala P7LB1 pula menyampaikan topik tentang insurans dengan baik sekali dengan mengemukakan pelbagai bukti sampingan sewaktu pengajaran dan hanya berpandukan kepada beberapa isi penting yang telah tercatat dalam slide. Selain itu, GPI juga kurang memberi perhatian kepada gabungan ilmu intra dan inter bidang. Ilmu inter bidang hanya diamalkan oleh P7LB4 iaitu sewaktu menceritakan antara takaful dan insurans (9 Julai 2013, masa 9.45 hingga 9.55 pagi). Manakala ilmu intra bidang pula diamalkan oleh 5 orang GPI (L3LB1, P2B2, P4B4, P5LB1, P8LB2). Contohnya P2B2 menggabungkan antara topik pengajaran iaitu ibadah dengan hadis Nabi s.a.w. dan ayat-ayat Quran yang berkaitan (21 Jun 2013, masa 11.40 hingga 12.15 petang). Kemudian bagi item “menggalakkan murid menambah pengetahuan” dan “menggalakkan murid berfikir” dilihat mempunyai kaitan antara satu sama lain. Seramai 10

GPI mengamalkannya sewaktu tempoh pemerhatian dengan memberikan lontaran soalan-soalan yang memerlukan murid berfikir dan sekaligus memberi murid nasihat untuk menambah pembacaan dan pengetahuan. Contohnya P2B2 melontarkan soalan mengapa kita perlu bersolat hajat (21 Jun 2013, masa 11.40 hingga 12.15 petang) dan P6LB2 dan P5LB1 menggalakkan murid untuk menambahkan pembacaan sebagai persediaan PBS. Akhirnya item “mengaitkan pengajaran dengan isu semasa” 7 orang GPI mengaitkan pengajaran dengan isu-isu akhlak dan isu semasa yang berkaitan dengan topik pengajaran mereka. Contohnya, L2B2 mengaitkan cara pembuatan kasut dengan topik pengajaran iaitu thoharah, dan P2B2 mengaitkan isu Tsunami dengan solat hajat. Berikut merupakan paparan item bagi tema mu’allim.

Setelah membandingkan kedua-dua dapatan iaitu dapatan soal selidik dan pemerhatian bagi tema ini, didapati terdapat 3 item yang bercanggah iaitu menyepadukan ilmu intra bidang, mempelbagaikan sumber ilmu dan menyepadukan ilmu inter bidang. Kemudian, sesi temu bual dijalankan untuk mendapatkan penjelasan tentang percanggahan ini. Dapatan temu bual memberi fokus kepada tiga perkara ini.

Menurut pandangan GPI, mereka perlu mempelbagaikan sumber ilmu dan mengaitkan ilmu bidang lain dengan Pendidikan Islam kerana asas ilmu bidang lain adalah daripada Pendidikan Islam seperti yang disebut oleh P7LB3:

*“... kerana semua ilmu hakikatnya daripada ilmu agama”*

Dan dalam silibus Pendidikan Islam itu sendiri terdapat kaitan dengan bidang lain (P5LB1, P4B4, P2B2, P8LB4).

Menurut P8LB4:

*“Subjek Pendidikan Islam itu terdapat di dalamnya topik-topik merentas kurikulum”.*

Seterusnya L1B1 berpendapat ilmu bidang lain penting sewaktu mengajar Pendidikan Islam untuk meningkatkan keimanan dalam diri murid menerusi kenyataannya:

*“Penting, contohnya untuk melihat kebesaran Allah apabila ditambah dengan melihat alam dan GPI dapat menerangkan apa yang berlaku pada cakerawala seterusnya meningkatkan keimanan pelajar. Kesan kepada tidak mengaitkan ilmu bidang lain sewaktu mengajar, PI akan jadi subjek yang membosankan”*

Selain itu, GPI turut berpendapat kebolehan GPI mengaitkan bidang lain sewaktu mengajar juga membantu GPI untuk menerangkan sesuatu konsep yang berkait dengan bidang lain dengan baik sekali gus memudahkan kefahaman murid (L2B2, L4LB2, P2B2, P6LB2). L4LB2 menyatakan:

*“Mengaitkan ilmu bidang lain penting bagi memudahkan GPI untuk menerangkan beberapa topik yang berkaitan dengan bidang lain sekali gus memudahkan kefahaman ilmu pelajar”*

GPI juga berpendapat, mengetahui ilmu bidang lain membantu mereka meraikan soalan murid ketika perbincangan di jalankan di dalam kelas. (L3LB1, P1B1, P3B3). L3LB1 menyebut:

*“Mengaitkan ilmu bidang lain sewaktu mengajar sangat penting, jika tidak GPI tidak dapat mempelbagaikan ilmu dan tak dapat meraikan soalan pelajar”.*

Walau bagaimanapun, terdapat kekangan untuk GPI mengaitkan ilmu intra dan inter bidang sewaktu pengajaran kerana kurang ilmu tentang bidang lain dan terlalu bergantung dengan silibus semata-mata (P8LB4, L3LB1, P3B3, L4LB2, L2B2 L1B1). L1B1 menyatakan:

*“Ilmu tentang bidang sendiri pun GPI tidak khatam hanya bergantung kepada buku teks maka susahlah untuk mengaitkan dengan bidang lain”.*



L4LB2 pula berpendapat:  
*“GPI ada kaitkan ilmu dengan bidang lain cuma secara minima kerana kurang update dari segi ilmu”*

Dan P8LB2:  
*“GPI Kurang pengetahuan tentang ilmu lain sekurang-kurangnya ilmu asas, jadi amat sukar untuk melaksanakan rentas kurikulum.”*

Kesimpulannya, semua GPI bersetuju bahawa mempelbagaikan sumber ilmu dan mengaitkan ilmu Pendidikan Islam dengan bidang lain amat penting. Menurut mereka ianya penting untuk meningkatkan keimanan murid, meraikan soalan murid, PI merupakan subjek merentas kurikulum dan membincangkan topik-topik dengan lebih jelas. Walau bagaimanapun, menurut mereka masih terdapat kekangan untuk melaksanakannya kerana ilmu tidak mencukupi dan GPI hanya bergantung kepada buku teks sahaja untuk mengajar. Jadual di bawah memaparkan dapatan temu bual bagi tema mu'allim.

### **Hubungan Kepercayaan Epistemologi Islam dengan Amalan Pengajaran GPI**

Hubungan antara KE Islam dan AP GPI untuk (N=525) diuji menggunakan ujian korelasi Pearson. Setelah kesemua ujian prasyarat untuk menjalankan ujian korelasi ini diadakan, hasil dapatan menunjukkan hasil hubungan yang signifikan iaitu dengan nilai  $p=0.000$  iaitu  $< 0.001$ . Manakala nilai positif yang diperoleh menunjukkan semakin tinggi tahap Kepercayaan Epistemologi Islam GPI semakin tinggi tahap Amalan Pengajaran GPI. Walau bagaimanapun, nilai  $r=0.405$  menunjukkan tahap kekuatan hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah ini berada pada tahap sederhana.

Nilai varian  $r^2 = 0.164$  menunjukkan bahawa 16.4% daripada amalan pengajaran GPI ada kaitan dengan kepercayaan epistemologi Islam mereka. Setelah melihat nilai  $p$ ,  $r$  dan  $r^2$  dapat disimpulkan bahawa hipotesis null 4 adalah ditolak. Jadual korelasi antara kedua-dua pemboleh ubah ini adalah seperti berikut.

Jadual 2.6: Korelasi Kepercayaan Epistemologi (KE) Islam dengan Amalan Pengajaran (AP) GPI (N=525)

Hubungan antara Pemboleh ubah	R	R <sup>2</sup>	Sig.	Interpretasi
KE Islam dan AP GPI	0.405	0.164	0.000	Sederhana

Nilai signifikan 0.05

### **PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN**

Dapatan kajian ini berkemungkinan di sebabkan pemikiran dan kepercayaan GPI sudah sekian lama di dalam arus pendidikan yang bersifat sekularisme dan dualistik dan tidak dinafikan sukar untuk menepis pengaruh ini secara total dalam pemikiran dan kepercayaan (Mohd Farid Shahrani 2013, Mohd Zaidi 2013, Nurul Asiah Fasehah, 2015). Buktinya, walaupun GPI memiliki kepercayaan epistemologi Islam yang tinggi namun kepercayaan tersebut masih dilihat sebagai kepercayaan peribadi dan tidak dikongsi sewaktu pengajaran berlangsung. Tambahan pula, menurut McCrae dan Costa (2006) sebuah paten pemikiran yang sudah mempengaruhi sikap dan tindakan manusia amat sukar untuk di ubah walaupun dengan pertambahan usia. Watak manusia mungkin dilihat berubah dengan perubahan peranan namun asal pendirian tetap sama dan sukar diubah. Justeru, tidak hairan jika pemikiran yang sudah terbentuk dalam minda seorang guru sukar untuk diubah tambahan pula peneguhan daripada faktor kontekstual nya juga amat kuat. Ini menyebabkan

kepercayaan ini masih longgar untuk dikaitkan dengan amalan pengajaran GPI. Keadaan ini juga boleh dihuraikan dari sudut pertembungan antara pegangan agama dan juga sistem pendidikan dualistik yang dihadapi oleh GPI. GPI dilihat rata-ratanya merupakan graduan atau pelajar lepasan daripada sistem pendidikan dan mendapat kursus perguruan yang sama (Rabiatul-Adawiah 2009). Sistem pendidikan negara yang masih lagi bersifat dualism ini sedikit sebanyak mempengaruhi kepercayaan GPI terutama dari sudut pandangan keilmuan GPI yang berfokus hanya kepada satu kerangka ilmu yang sempit dan tidak bersifat harmoni antara satu dengan lain.

Selain itu, pengkaji melihat, kepercayaan epistemologi Islam GPI juga belum begitu mendasar untuk dijemakan dalam amalan pengajaran mereka. Buktinya, sumber ilmu yang dirujuk masih lagi dalam kepompong epistemologi barat. Walaupun GPI percaya sumber utama sebagai Muslim adalah al-Quran dan Sunnah namun hakikatnya mereka masih bergantung kepada sumber sekunder sebagai yang utama. Apabila komponen utama epistemologi ini masih tidak diletakkan dengan betul maka kepercayaan epistemologi yang dimiliki GPI ini masih lagi dikategorikan belum mendasar sehingga boleh mempengaruhi amalan pengajaran mereka. Jadi, selagi itu berlaku, pengkaji melihat GPI masih belum berjaya menjadikan Islam sebagai pandangan hidup mereka secara total dan kepercayaan yang mereka bawa inilah yang dikongsikan dengan murid sewaktu di dalam kelas.

## **KESIMPULAN**

Kesimpulannya, kepercayaan epistemologi Islam GPI harus diperteguhkan untuk melakukan penambahbaikan dalam amalan pengajaran mereka di dalam kelas. Ini kerana kedua-duanya mempunyai kaitan antara satu dengan lain walaupun pada tahap yang sederhana. Perkara ini penting bagi memperlihatkan kerangka ilmu yang tidak terpisah seperti mana yang diajarkan dalam Islam. Pandangan alam yang terbentuk kemudiannya akan menunjukkan Islam adalah cara hidup dan tidak terpisah daripada kehidupan.

## **RUJUKAN**

- Ab. Halim Tamuri, Khadijah Abd Razak, Shahrin Awaluddin, Kamarulzaman Abdul Ghani & Mohd Aderi Che Noh. 2006. *Kajian Amalan Pengajaran Pendidikan Islam Di Sekolah Rendah Dan Menengah*. Seminar IRPA RMK-8, Kategori ERK 2006, hlm. 1-15.
- Abd. Fatah Hasan. 2001. *Falsafah Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abu Bakar Nordin & Ikhsan Othman. 2008. *Falsafah Pendidikan Dan Kurikulum*. Perak: Quantum Books.
- al-Ghazali, Abū Ḥāmid Muḥammad ibn Muḥammad. 1997. *The Alchemy of Happiness*. New Delhi: Islamic Book Service.
- Mohd Farid Bin Mohd Shahrin. 2013. *Falsafah dan hala tuju pendidikan dalam Islam*. Kertas kerja Seminar Pemeraksanaan Pengajaran Agama Islam: Menilai Cabaran Semasa Guru Pendidikan Islam. Anjuran IKIM, 24-25 September 2013.
- Mohd Sani Badron. 2013. *Dinamika Fardhu Ayn dan Fardhu Kifayah: Kesepaduan Ilmu Sains, Kemanusiaan dan Keagamaan*. Kertas kerja Seminar Pemeraksanaan Pengajaran Agama Islam di Malaysia: Menilai Cabaran Semasa Guru Pendidikan Islam. Anjuran IKIM, 24-25 September 2013.
- Mohd Sulaiman Haji Yasin. 1982. *Pengantar Falsafah Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

- Mujamil Qomar. 2002. *Epistemologi Pendidikan Islam Dari Metode Rasional Hingga Metode Kritik*. Jakarta: Erlangga.
- Nor Aidah Binti Mohamad Ariff, Rohana Hamzah & Amirmudin Udin. 2010. *Guru Ptv Masa Hadapan: Kefahaman Falsafah Yang Lebih Baik*. edupress 2010.
- Rabiatul-Adawiah. 2009. *Pengaruh Epistemologi Islam terhadap pembentukan kepercayaan guru-guru Sains Muslim dan amalan pengajaran mereka*. Tesis Dr. Fal., Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Schommer, M. 1990. *Effect of Beliefs About the Nature of Knowledge in Comprehension*. *Journal of Educational Psychology* 82(3): 498-504.
- Woodhouse, M. B. 1990. *A Preface to Philosophy*. Ed. ke-4. Belmont: Wadsworth Publishing Company.